

Menangani kes jenayah kalangan pelajar IPT

KEJADIAN yang melibatkan kes-kes jenayah seperti menyerang sehingga membawa kematian di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, walaupun terencil memang amat wajar diberi perhatian. Apa yang penting ialah kita perlu melihat kepada penyumbang kejadian ini untuk membantu pelajar melalui zaman universiti mereka dengan baik.

Banyak kajian sama ada di dalam atau luar negara menunjukkan pelajar-pelajar universiti menghadapi masalah. Sepertimana masalah-masalah lain seperti masalah di tempat kerja, masalah keluarga dan masalah kehidupan, jika tidak mempunyai daya tindak yang baik akan memberi kesan mendalam kepada individu yang mengalaminya.

Apa yang paling penting ialah bagaimana pelajar-pelajar universiti dapat berdaya tindak terhadap masalah-masalah yang dihadapi di samping mempunyai sistem bantuan dan sokongan yang baik.

Kajian Ball, Sharifah Muzila & Moselle (1998) menunjukkan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar

universiti ialah persaingan sengit dalam akademik, konflik nilai, hubungan kekeluargaan, proses pembuatan keputusan dan konformiti dalam kelompok.

Selain daripada itu, keputusan tentang pemilihan kerjaya, masalah persahabatan serta masalah dalam institusi pendidikan itu sendiri turut menyumbang kepada tekanan kepada pelajar. Kehidupan universiti yang mencabar juga menyumbang kepada tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar.

Kegagalan mengawal masalah akan menyebabkan pelajar berada dalam keadaan tertekan dan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Lantaran itu, tekanan yang dialami perlu mempunyai daya tindak yang bersesuaian.

Masalah pelajar universiti telah diambil perhatian sejak tahun 40-an lagi sehingga kini. Antaranya kajian-kajian Stone (1947), Hamidah Hussin (1988), Faridah Karim dan Hendry (1976), Dzulkifli (1974), Palladino & Tyron (1977) dan Sabora & Chua (2000).

Hasil-hasil kajian dapat membantu mengenal pasti kategori masalah yang

dihadapi dan seterusnya membantu perkembangan diri yang sihat di kalangan pelajar universiti. Ini penting dalam usaha membantu mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi agar kejayaan yang lebih cemerlang dan perkembangan diri yang lebih sihat dapat dicapai.

Dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada asas rujukan bagi program kerjaya kelompok dan program orientasi untuk membantu pelajar universiti memahami keperluan dan masalah mereka serta memberi saranan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian.

Di samping itu, ia dapat meningkatkan kefahaman pensyarah tentang masalah pelajar dalam bilik kuliah dengan mengenal pasti kelemahan pelajar dan cara-cara yang sesuai dapat digunakan bagi membantu pelajar mengatasi kelemahan berkenaan.

Tekanan yang dihadapi pelajar universiti perlu dibantu kerana tekanan adalah melibatkan kedua-dua aspek penting iaitu rangsangan dan tindak balas.

Pelajar-pelajar yang menghadapi ma-

salah perlu mendapat sokongan dan bantuan seperti mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di universiti berkenaan. Sistem sokongan dari universiti berkenaan tidak perlu terlalu rigid sehingga menjauhkan pelajar dari mendapatkan bantuan. Bantuan daripada rakan, persatuan-persatuan yang ada dan pensyarah turut membantu mereka meringankan bebanan tekanan.

Jika pelajar berada di luar negara, Jabatan Penuntut negara dari mana pelajar berasal merupakan antara saluran terbaik pelajar mendapatkan khidmat nasihat.

Pelajar universiti adalah aset negara. Sering kali dalam meniti kehidupan, banyak liku-liku yang terpaksa dihadapi. Berada dalam alam pengajian di universiti bukanlah satu perkara mudah. Apatah lagi jika berada di negara asing.

Apa yang penting ialah mempunyai daya tindak yang baik dibantu oleh sistem sokongan yang kuat.

**- SAPORA SIPON,
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).**